



**NOTIS KERJA UNDI ATAS TALIAN (ONLINE) PERUNTUKAN BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-  
PROJEK KECIL / BERIMPAK TINGGI / PEOPLE CENTRIC KEMENTERIAN EKONOMI  
TAHUN 2023 OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI**


1. Kerja Undi adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera Gred G1 Daerah Langkawi yang mempunyai Sijil Perakuan CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), serta memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB) beralamat di Daerah Langkawi, Kod Bidang yang ditetapkan seperti Lampiran A serta mempunyai rekod kerja bersih daripada agensi-agensi Kerajaan; serta yang tidak berjaya mendapat Kerja Undi Fasa 1, Kerja Undi Fasa 2 dan Kerja Undi Fasa 3 yang diadakan pada Tahun 2023. Senarai kerja undi dan syarat kelayakan adalah seperti di Lampiran A.
2. Bagi Kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dan membuat bayaran sebanyak RM100.00 melalui Sistem Pendaftaran Kontraktor / Pembekal / Firma Perunding secara atas talian (Aplikasi iDAFTAR) adalah LAYAK untuk memasuki kerja undi.
3. Pihak kontraktor diminta untuk log masuk ke dalam Aplikasi iDAFTAR dan pilih butang "KERJA UNDI" pada 12 Januari 2024 (Jumaat) mulai jam 12.01 malam hingga 11.59 malam (1 hari sahaja) untuk pendaftaran dan bayaran tambahan yang dikenakan sebanyak RM10.00. Bayaran RM10.00 ini tidak akan dikembalikan sekiranya kontraktor TIDAK BERJAYA dalam proses Cabutan Kerja Undi. Sebarang urusan Pengecualian dan Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN. Pendaftaran AKAN DITOLAK serta merta sekiranya pendaftaran yang dibuat secara atas talian (online) adalah berganda (Melebihi 1 Pendaftaran).
4. Pemilik Syarikat yang dinamakan mestilah memastikan tempoh sahlaku semua sijil seperti di perenggan 1 adalah dalam tempoh sah laku tidak kurang Sembilan Puluh (90) hari mulai 16 Januari 2024 hingga 14 April 2024. Kontraktor perlu memuatnaik salinan Sijil CIDB, SPKK, PPK, STB, Resit Pendaftaran Kontraktor dengan Kerajaan Negeri. Pihak kontraktor perlu mengemukakan bukti pembaharuan / kelulusan lesen-lesen tersebut. Sekiranya pihak syarikat telah membuat pembaharuan tersebut, pihak kontraktor hendaklah menyertakan resit pembayaran tersebut dan segera mengemaskinikan maklumat dalam Sistem iDAFTAR. Kontraktor yang memenuhi syarat ini sahaja akan dipelawa untuk menyertai kerja-kerja seperti di LAMPIRAN A.
5. Mana-mana kontraktor yang TIDAK BERDAFTAR melalui Aplikasi iDAFTAR adalah tidak layak menyertai kerja undi ini.
6. Tarikh dan masa Cabutan Undi bagi Daerah Langkawi adalah seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 16 Januari 2024 (Selasa)  
Jam : 08.30 pagi  
Tempat : Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Langkawi

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(MOHAMAD SUBHI BIN ABDULLAH, AMK., BCK.)  
Pegawai Daerah Langkawi,  
Kedah Darul Aman.

Tarikh : 10 Januari 2024

## LAMPIRAN A

## SENARAI PROJEK-PROJEK KECIL / BERIMPAK TINGGI / PEOPLE CENTRIC KEMENTERIAN EKONOMI TAHUN 2023 BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

BIL	NO. RUJUKAN	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	GRED PENGKHUSUSAN
1.	EPU(S).37-100/ 357/1 Jilid 28 (33) 05	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dataran Kejat di Surau Bukit Puteri, Mukim Ayer Hangat, Langkawi	65,000.00	GRED : G1 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21
2.	EPU(S).37-100/ 357/1 Jilid 28 (33) 06	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dataran Kejat di Masjid Kampung Pasir Hitam, Mukim Ayer Hangat, Langkawi	70,000.00	GRED : G1 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21
3.	EPU(S).37-100/ 357/1 Jilid 28 (33) 07	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pagar Masjid Kg. Lubuk Chempedak, Pulau Tuba, Mukim Kuah	150,000.00	GRED : G1 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21
4.	EPU(S).37-100/ 357/1 Jilid 28 (33) 11	Kerja-Kerja Membaikpulih Bangunan dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kawasan Masjid As-Sofiah, KEDA Wang Tok Rendong, Mukim Kuah	200,000.00	GRED : G1 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21
5.	EPU(S).37-100/ 357/1 Jilid 28 (33) 12	Membaikpulih Pagar Keselamatan dan Kerja Berkaitan di Surau Kampung Buluh Penyumpit, Mukim Kuah, Langkawi	85,000.00	GRED : G1 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21
		<b>JUMLAH</b>	<b>570,000.00</b>	

